

| | | | |
|-------------------|--|--------------------|--------------------------|
| Headline | Krisis MIC perlu ditangani dengan bantuan pihak ketiga Tun Mahathir | | |
| MediaTitle | New Sabah Times Bahasa (KK) | | |
| Date | 05 Feb 2015 | Color | Black/white |
| Section | Semasa | Circulation | 22,425 |
| Page No | 5 | Readership | 134,550 |
| Language | Malay | ArticleSize | 94 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 188 |
| Frequency | Daily (EM) | PR Value | RM 564 |



Krisis MIC perlu ditangani dengan bantuan pihak ketiga: Tun Mahathir

KUALA LUMPUR: Bekas perdana menteri Tun Dr Mahathir Mohamad berkata krisis MIC perlu ditanggani dengan bantuan pihak ketiga.

Katanya Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak merupakan orang yang sesuai menjadi orang tengah bagi menyelesaikan masalah parti berkenaan memandangkan kepimpinan parti komponen Barisan Nasional (BN) itu tidak

akan menemui persetujuan jika ia diselesaikan di antara mereka.

"MIC ini selalu ada masalah. Saya ingat masalah ini patut dibetulkan oleh orang di luar MIC, kalau sama-sama dia, mereka tidak akan mencapai persetujuan.. masa saya dulu pun berlaku juga," katanya kepada pemberita selepas meletakkan plak warisan kebangsaan Institut Penyelidikan Perhutanan

Malaysia (FRIM) dekat sini, hari ini.

Beliau berkata demikian ketika ditanya berhubung masalah yang melanda MIC ketika ini.

Ditanya sama ada beliau bersetuju jika diminta menjadi orang tengah, Dr Mahathir berkata: "Saya bukan lagi seorang ahli politik. Saya hanya pengkritik".-Bernama